

31/07/1999

Lebuhraya Pantai Timur dibina segera: PM

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KERTIH, Jumaat - Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sejauh 340 kilometer dari Karak ke Terengganu akan dimulakan segera, tetapi kosnya dikurangkan kepada RM3 bilion berbanding anggaran asal kira-kira RM4.2 bilion.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan terus mengekalkan tawaran pembinaan projek itu kepada konsortium tiga syarikat dan mencari sumber kewangan bagi membantu mereka.

"Kalau kita bagi kepada syarikat lain pun, kos pembinaannya macam itu juga. Jadi kita tidak boleh tolak apa yang telah kita beri.

"Projek ini akan terus dilaksanakan oleh konsortium sedia ada walaupun Pahang dan Terengganu bercadang menawarkannya kepada konsortium lain," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Kertih, di sini, selepas menamatkan lawatan kerja dua hari di negeri ini.

Tiga syarikat dalam konsortium itu ialah Malaysian Mining Corporation Bhd, yang memegang 40 peratus ekuiti serta United Engineers Malaysia dan MTD Capital Bhd, masing-masing menguasai 30 peratus ekuiti.

Mengikut perancangan awal, lebuhraya itu akan dibina dalam empat fasa yang dijangka siap pada 2002 atau selewat-lewatnya pertengahan 2003. Ia akan mempunyai 16 persimpangan bertingkat bertol dari Karak ke Cendering.

Perdana Menteri menjelaskan, kos lebuhraya itu terpaksa dikurangkan bagi memastikan projek berkenaan tidak terjejas.

"Kerajaan akan membuat kajian bagi menentukan berapa banyak yang boleh dibantu melalui bantuan kerajaan negeri supaya konsortium tidak menanggung beban dan mengelak rakyat terpaksa membayar tol yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir menolak dakwaan kononnya cadangan membina lebuhraya di Pantai Timur sebagai tindakan memancing undi.

Sambil menegaskan kerajaan membina jalan raya sepanjang masa dan bukan pada waktu pilihan raya saja, Dr Mahathir berkata projek itu akan memberikan faedah besar kepada pembangunan Pantai Timur.

"Kita dapati nilai tanah di tepi jalan itu akan meningkat. Pembangunan pesat akan berlaku. Kalau tak percaya pergi tengok Lebuhraya Utara-Selatan, nilai tanah meningkat bukan sekali, dua kali ganda, kadang-kadang seratus kali ganda bila kita buat lebuhraya," katanya.

Perdana Menteri berharap rakyat memberikan sokongan kepada projek itu berikutan parti pembangkang sering menjadikan projek jalan tol untuk mengecam kerajaan.

"Kita amat dukacita dengan tindakan parti lawan yang sengaja membangkitkan sentimen anti jalan-jalan tol. Jika kutipan tol tidak dibuat, kerajaan tidak mungkin dapat menyediakan jalan raya yang baik.

"Kita tak ada duit, kalau nak buat jalan, kita kena sanggup bayar tol," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah memberi bantuan yang banyak kepada pengusaha jalan tol bagi mengurangkan tol yang perlu dibayar.

"Kalau kita bandingkan tol kita dengan tol negara lain, kita adalah yang termurah sekali di dunia," katanya.

Beliau berkata, pembinaan jalan tol dapat membantu mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya kerana kemalangan yang berlaku di jalan tol hanya satu per sepuluh daripada kes di jalan biasa walaupun bilangan pengguna jalan biasa adalah kurang.

"Sebenarnya mengadakan lebuhraya bertol adalah satu cara kita mengurangkan kemalangan dan kematian. Kita nak menyelamatkan nyawa

pengguna jalan raya tetapi parti lawan, DAP terutamanya, disokong Pas dan beberapa pertubuhan lain lebih suka melihat orang dibunuh daripada menyelamatkan orang itu dengan mengadakan jalan lebih baik," katanya.
(END)